BULETIN CREaTE

DISEMBER 2021 • Bil. 8 • JKR 29201-0032-21

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

KATA-KATA ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur kepada hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan hidayahNya, Buletin CREaTE Bil.8 edisi Disember 2021 berjaya diterbitkan. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua penyumbang artikel serta syabas kepada Sidang Redaksi Buletin CREaTE di atas usaha dan komitmen dalam menghasilkan Buletin CREaTE ini.

Penerbitan Buletin Create ini adalah sebagai wadah pembelajaran secara berterusan, selari dengan Pelan Strategik Jabatan Kerja Raya 2021 – 2025, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) amat komited untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan kejuruteraan dan teknologi dengan membangunkan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Penguasaan dan kebolehan menulis artikel terutama berunsur teknikal adalah satu kemahiran yang diperlukan bagi melaksanakan penyelidikan dan pembangunan di CREaTE. Perkongsian hasil penyelidikan melalui penulisan artikel dan perkongsian ilmu merentasi jabatan dan luar jabatan diperolehi dengan melaksanaan penyelidikan secara jabatan dan kolaboratif bersama rakan strategik iaitu Institusi Pengajian Tinggi, pemain industri dan agensi swasta.

Buletin edisi kali ini memuatkan beberapa artikel antara lainnya adalah Akreditasi Makmal, Extension of Scope (EOS) MS ISO/IEC 17025:2017 yang telah diperolehi daripada Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) untuk setiap makmal di Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan, CREaTE. Artikel lain yang turut dimuatkan adalah perkongsian dapatan kajian dan solusi yang berinovatif, serta penyampaian perkhidmatan jabatan.

Saya berharap ilmu yang dikongsikan melalui artikel-artikel yang dipaparkan dalam Buletin ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga JKR dan budaya perkongsian ilmu dapat diperkasakan seiring dengan kehendak profesion kejuruteraan.

Ir. RAZHIAH BINTI WAHAB
Pengarah Kanan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)

ISI KANDUNGAN

Sidang REDAKSI

AKREDITASI MAKMAL EXTENSION OF SCOPE (EOS) MS ISO/IEC 17025:2017

Ir. Nor Azian binti Aziz
Muhammad Afiq bin Tambichik
Ir. Sarina binti Ismail
Makmal Penyelidikan Struktur, Konkrit dan Alam Sekitar
Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan

PENGENALAN

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) berstrategi untuk memastikan bahawa tahap perkhidmatan pengujian bahan oleh makmal CREaTE mencapai tahap akreditasi yang ditetapkan. Selaras dengan itu, CREaTE komited untuk memperolehi Extension of Scope (EOS) bagi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) melibatkan penambahan tiga belas (13) bilangan pengujian bahan yang mematuhi MS ISO/IEC 17025:2017 pada tahun 2021. CREaTE juga sentiasa memastikan supaya sistem MS ISO/IEC 17025:2017 ini dijadikan sebagai amalan dan budaya dalam melaksanakan kerja pengujian bahan di makmal CREaTE.

PENILAIAN EXTENSION OF SCOPE (EOS) BAGI SIJIL AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA (SAMM)

Sebanyak empat (4) makmal penyelidikan di Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK), CREaTE telah terlibat dengan sesi penilaian EOS. Ianya terdiri daripada Makmal Penyelidikan Struktur & Konkrit dan Alam Sekitar (MPSKAS), Makmal Penyelidikan Jalan (MPJ), Makmal Penyelidikan Geoteknik (MPG) dan Makmal Penyelidikan Mekanikal (MPM). Sesi penilaian EOS tersebut telah dilaksanakan pada 10 dan 11 Februari 2021 oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) secara dalam talian (online) berikutan pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa. Terdapat proses akreditasi SAMM adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Proses akreditasi SAMM bermula dengan mengemukakan borang permohonan, dokumen manual kualiti dan operasi makmal kepada JSM pada bulan Julai 2020.



Rajah 1: Proses Akreditasi Makmal (SAMM)

Proses akreditasi SAMM bermula dengan mengemukakan borang permohonan, dokumen manual kualiti dan operasi makmal kepada JSM pada bulan Julai 2020. Selanjutnya, JSM memaklumkan kepada CREaTE berkaitan maklumat yang diperlukan serta bayaran yang dikenakan mengikut kategori. Selepas dokumen yang diserahkan telah diaudit dan didapati lengkap, JSM memaklumkan kepada CREaTE akan tarikh sesi penilaian EOS. Makmal-makmal yang terlibat seterusnya telah menjalani *Pre Compliance* Audit pada awal November 2020.

Lanjutan daripada sesi penilaian EOS yang telah dilaksanakan, CREaTE telah diberikan masa selama tiga (3) bulan bagi menyediakan pematuhan kepada penilaian EOS tersebut. Laporan pematuhan penilaian EOS yang telah dinilai dan diakreditasi oleh Jawatankuasa Penilaian Akreditasi Makmal telah melayakkan CREaTE dianugerahkan sijil pengiktirafan oleh JSM untuk tempoh sah laku selama tiga (3) tahun. Penilaian audit pengawasan *(surveillance assessment)* akan dilaksanakan pada tempoh setiap dua belas (12) bulan manakala, penilaian audit kajian semula *(reassessment)* akan dilaksanakan sebelum tempoh sah laku sijil tamat.

Makmal Penyelidikan Elektrik di bawah Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) dengan SAMM ISO/IEC 17025:2005 No. 486 sejak tahun 2010 lagi bagi skop pengujian bahan. Tambahan skop *(Extension of Scope)* bagi makmal-makmal yang terlibat dan senarai *Approved Signatories* (AS) adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Butiran pengujian bahan dan *Approved Signatories* (AS)

Makmal Penyelidikan Struktur, Konkrit dan Alam Sekitar	Jenis Ujian / Sifat yang diukur / Julat Pengukuran	Kaedah / Peralatan / Teknik Ujian Piawai
Concrete 1. Noor Azlan bin Abdullah 2. Ir. Muhamad Yusri bin Zainal	*Compressive Strength of Concrete Cube/Cylinder*	MS EN 12390-3:2012
	Compressive Strength of Concrete Core	MS EN 12504-1:2013
Metallic Materials 1. Noor Azlan bin Abdullah 2. Ir. Muhamad Yusri bin Zainal	*Tensile Test of Metallic Materials*	ISO 6892-1:2019 (Method B)
Makmal Penyelidikan Jalan	**Jenis Ujian / Sifat yang diukur / Julat Pengukuran**	**Kaedah / Peralatan / Teknik Ujian Piawai**
Bitumen 1. Ir. Syahida Binti Aripin	*Penetration of Bituminous Materials*	ASTM D5/D5M 20
	Softening Point of Bituminous (Ring & Ball) Test	ASTM D36/D36M 14 (2020)
Asphalt 1. Mokhydin Bin Rosmani	*Marshall Stability & Flow of Asphalt Mixtures*	ASTM D1559-82 ASTM D6927-15
	Bulk Specific Graviti & Density of Non Absorptive Compacted Asphalt Mixtures	ASTM D2726/D2726M-19
	Thickness or Height Compacted Asphalt Mixtures Specimens	ASTM D3549/D3549M-18
	Preparation of Asphalt Mixtures using Marshall Apparatus	ASTM D6926-20

Makmal Penyelidikan Mekanikal	Jenis Ujian / Sifat yang diukur / Julat Pengukuran	Kaedah / Peralatan / Teknik Ujian Piawai
1. Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin 2. Ir. Dr. Tuan Suhaimi bin Salleh 3. Noryati binti Mustapa	*Steady-State Thermal Transmission Properties*	ASTM C518 - 17
Makmal Penyelidikan Geoteknik	**Jenis Ujian / Sifat yang diukur / Julat Pengukuran**	**Kaedah / Peralatan / Teknik Ujian Piawai**
Soils 1. Ir. Zuraini binti Zainal 2. Nurul Eilmy binti Zainuddin 3. Nur Amalina binti Mat	*Determination of Moisture Content (Oven Drying Method)*	MS 1056-2:2005 Clause4.2 BS 1377-2:1990: Clause 3.2
	Determination of Liquid Limit (Cone Penetrometer method-Definitive Method)	MS 1056-2:005 Clause 5.3 BS 1377-2:1990: Clause 4.3
	Determination of Plastic Limit *(Mould and roll by finger)*	MS 1056-2:2005 clause 6.3 BS 1377-2:1990: Clause 5.3

Kaedah penilaian EOS yang dilaksanakan secara dalam talian *(online)* perlu mematuhi proses yang ditetapkan seperti mana dalam Rajah 2.

Rajah 2: Carta Alir Kaedah Pengauditan

Lead Assessor dari JSM telah menemuduga pegawai, kakitangan makmal dan pegawai pengurusan termasuk membuat semakan terhadap dokumen-dokumen berkaitan makmal seperti manual kualiti pengurusan, teknikal dan operasi setiap pengujian yang dijalankan, dokumen penyelenggaraan alat-alat pengujian, keputusan pengujian, dan laporan pengujian.

SESI PENILAIAN EOS DIJALANKAN SECARA DALAM TALIAN DI MAKMAL-MAKMAL YANG TERLIBAT:

Rajah 3: Sesi penilaian EOS di Makmal Penyelidikan Geoteknik dan Makmal Penyelidikan Struktur & Konkrit, dan Alam Sekitar



Rajah 4: Sesi penutupan penilaian EOS yang dihadiri semua pegawai dan kakitangan dari Makmal Penyelidikan Struktur & Konkrit, dan Alam Sekitar, Makmal Penyelidikan Jalan, Makmal Penyelidikan Geoteknik dan Makmal Penyelidikan Mekanikal

KEJAYAAN MEMPEROLEHI AKREDITASI

CREaTE telah berjaya memperolehi *Extension of Scope (EOS)* bagi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) melibatkan penambahan tiga belas (13) bilangan pengujian bahan yang mematuhi MS ISO/IEC 17025:2017 secara rasminya pada 17 Mei 2021, seperti sijil-sijil akreditasi yang ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5: Sijil-sijil akreditasi bagi Makmal Penyelidikan Eletrik, Makmal Penyelidikan Struktur & Konkrit, dan Alam Sekitar, Makmal Penyelidikan Jalan, Makmal Penyelidikan Geoteknik dan Makmal Penyelidikan Mekanikal

PENUTUP

Bagi menjalankan fungsi pengujian makmal dan memenuhi amanat Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia agar CREaTE muncul sebagai *Testing and Certification Body*, CREaTE akan terus berusaha untuk meningkatkan bilangan pengujian bahan yang mendapat taraf akreditasi SAMM pada masa akan datang agar berupaya menjadi *testing body* yang dipercayai seiring dengan kehendak pasaran.

PENGURUSAN KURSUS SWASTA BAGI WARGA JKR

Ir. Jusmairomaizani binti Jusoh
Unit Smart Skill
Bahagian Kompetensi,
Pensijilan, Akreditasi dan Kejuruteraan

PENGENALAN

Kursus swasta adalah kursus dalam Negara yang dianjurkan oleh pihak luar selain Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) di mana permohonan peruntukan dibuat melalui CREaTE. Ia merangkumi pelbagai bidang kursus dalam bentuk latihan, persidangan ataupun seminar bagi meningkatkan kemahiran pekerja dalam perkhidmatan awam.

Walaupun pada dasarnya pihak CREaTE berperanan menganjurkan kursus berbentuk teknikal dan teknikal generik, kursus anjuran swasta mengambil peranan membantu pegawai JKR dalam kursus-kursus bukan teknikal supaya pegawai dapat menimba dan memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan menjadi lebih kompeten dalam bidang tertentu.

Terdapat kursus/persidangan/seminar yang dianjurkan oleh pihak swasta pada setiap tahun seperti oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), *the Board of Quantity Surveyors* (BQSM), *the Board of Engineers Malaysia* (BEM) dan *the Institutions of Engineers Malaysia* (IEM) yang memerlukan penglibatan daripada pegawai JKR dan bertaraf antarabangsa. Sehubungan dengan itu, sejumlah peruntukan diperlukan untuk membiayai tujuan tersebut.

Sejak penubuhan CREaTE pada 1 September 2016, Bahagian Kompetensi, Pensijilan, Akreditasi dan Kejuruteraan (BKPAK) telah ditugaskan untuk menyediakan peruntukan dan melaksanakan pengurusan permohonan kursus anjuran pihak swasta yang dipohon oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya Malaysia untuk pembangunan insaniah mereka.

PERUNTUKAN KURSUS SWASTA

Kursus swasta juga merupakan antara penyumbang perbelanjaan terbesar di BKPAK. Rajah 1 menunjukkan perbelanjaan kursus swasta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Penurunan perbelanjaan kursus swasta pada tahun 2019 adalah disebabkan oleh pengurangan peruntukan akibat peruntukan sedia ada telah digunakan untuk melaksanakan kursus-kursus di CREaTE seiring dengan pertambahan bilangan kursus. Pada tahun 2020, perbelanjaan bagi kursus swasta didapati berkurangan berikutan berlakunya pandemik Covid-19 yang melanda negara ini.



Rajah 1: Perbelanjaan Kursus Swasta Mengikut Tahun

Bagi mengimbangi perbelanjaan kursus swasta mengikut setiap disiplin pegawai di JKR, bermula dari tahun 2017, BKPAK telah mengambil insiatif untuk membuat pembahagian peruntukan swasta yang diterima berdasarkan kepada peratusan bilangan pegawai mengikut disiplin di dalam sistem MyKJ pada setiap awal tahun. Rajah 2 menunjukkan perbelanjaan mengikut disiplin dari tahun 2018 hingga 2020.



Rajah 2: Perbelanjaan Mengikut Disiplin Bagi Kursus Swasta

PENGURUSAN PERMOHONAN KURSUS SWASTA

Pengurusan pemohonan kursus swasta ini diuruskan oleh Unit Smart Skills (USS), BKPAK. Rajah 3 menunjukkan carta alir pengurusan permohonan kursus swasta secara terperinci.



Rajah 3: Carta alir permohonan kursus swasta

HALA TUJU UNTUK KURSUS SWASTA CREaTE

Hala tuju CREaTE untuk kursus swasta adalah seperti berikut:

a. Menghasilkan pegawai yang mahir dan kompeten setelah mendalami pelbagai ilmu dalam bidang tertentu;
b. Menjadikan pegawai yang lebih komited dalam pekerjaan dan mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi;
c. Berkongsi ilmu yang diperolehi dari kursus swasta kepada kakitangan JKR yang lain;
d. Menghasilkan penceramah bukan teknikal yang mahir dan boleh membimbing dan menjadi tenaga pengajar di CREaTE yang secara tidak langsung dapat membantu menjimatkan peruntukan latihan; dan
e. Menyediakan modul kursus-kursus yang ditambah baik dengan mengambil kira pendekatan yang digunakan dalam kursus-kursus anjuran swasta.

KESIMPULAN

CREaTE akan memastikan peningkatan bilangan pegawai-pegawai JKR yang menghadiri kursus-kursus swasta secara berterusan sebagai nilai tambah ke atas tahap kemahiran pegawai. Secara tidak langsung kursus-kursus swasta, seperti contoh-contoh yang ditunjukkan dalam Rajah 4, ini dapat meningkatkan tahap profesionalisme pegawai-pegawai JKR yang terlatih dan menguasai bidang kepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa.

Rajah 4: Brosur kursus-kursus swasta

INNOVATION

IS A PRACTICAL WAY OF SOLVING AIR HANDLING UNIT (AHU) STRUCTURE-BORNE NOISE PROBLEM

Ir. Ts. Dr. Tuan Suhaimi bin Salleh
Unit Inovasi Kejuruteraan
Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan

Abstract

Potential creativity is a source of inspiration for new ideas, topics or fields of study, thus encourages innovation. However, in terms of individuals or methods, we do not look at sources, but rather at information, which is the basis for new ideas. It is the awareness that provides the potential for innovation which then create momentum for the new ideas or fields of study.

Keywords: New ideas; information; innovation; momentum



Figure 1: Sound power levels of cooling equipment in a mechanical room

Introduction

The most successful measure for noise reduction is to place indoor equipment rooms as far away from noise-sensitive areas as possible [1]. Mechanical equipment rooms especially Air Handling Unit (AHU) are, however, usually situated at intermediate floors in high-rise multi story building, near the occupied areas which they serve. Reasonable constructive layers for walls, ceilings and floors should be chosen in such cases until the amount of noise inside the mechanical equipment rooms is reducible.

We could understand from Figure 1, Air Handling Unit (AHU) is the key unwanted sound contributor in buildings. It was also found that the contribution of the concrete plinth structure to noise transmission is not negligible as predicted in a real case [2].

An innovative idea from forensic study

It was reported that the operation of the AHU unit at the 1st Floor of the Government Medical Facility in Kuala Lumpur caused tremors on the walls and floors of the building [3]. Body movements of the operating AHU unit that is connected to the chilled water pipes, electric wire trunk and main supply air ducts, which are installed very close to the walls of the AHU room, as shown in Figure 2, caused vibration disturbances in building structure such as floors and walls. The presence of equipment rooms at middle or top floors is usually unavoidable. Noise from mechanical equipment such as chillers, circulation pumps and air handling units can travel through the structure in these spaces to adjacent occupant spaces. By choosing proper vibration isolators from the machinery excitation transmitted as impact sound and vibration, structure-borne noise can be isolated.

Usually, the concrete plinth is mounted in a fixed and irremovable position, causing issues with the ducting orientation, the routing of chilled/condenser water pipes, and the openings in the plant room wall for the supply and return air ducting. The concrete plinth also contributes to the building structure an

additional load. A more flexible support system appears to be necessary with the limited space constraints imposed on mechanical equipment. Figure 3 illustrates the proposed innovative support system for AHU used in the study.

On-site picture

a) The body of the AHU unit is too close becomes into contact with the wall; a significant contributor to the vibration effect on the building walls and floors.

Vibration graph



b) Vibration effect on floor due to improper installation of AHU unit in plant room during construction.

Figure 2: Providing a flexible support system for AHU seems important

On-site picture

a) The AHU unit installed with innovative support

Details



b) Innovative support

Vibration graph



c) AHU vibration during operation



d) Vibration effect on floor was signifcanly reduced by using innovative support

Figure 3: Innovative support system for AHU

Discussion

It is recognized that vibration waves can typically be detected in floor structures with the normal vibration insulation material at low frequencies, as shown in Figure 2. High vibration levels in the AHU are expected because of the vibration from the blower motor and the blower fan, as well as turbulence induced by air mixing and air resistance through air filters and cooling coils (Figure 3c).

However as shown in Figure 3d, innovative supports capable of flattening the transverse RMS vibration amplitude demonstrate that they play a significant role in minimizing structure-borne noise. It can be seen that innovative support has been able to prevent vibration from being transmitted to the concrete floor, where there is almost no vibration in any direction.

Conclusion

Innovative support can absorb and decrease the vibration amplitude emanating from the working AHU, and it has advantages, such as;

1. Play an important role in mitigation structure-borne noise and capable to eliminate the vibration in all directions.
2. The plug-and-play concept used for installation may help to eradicate the shoddy work as discussed in this article.
3. Aligns with Industrialized Building Systems (IBS), which is an approach to improving the efficiency and sustainability of construction, as well as reducing workplace safety and health risks.

References

1. Tuan Suhaimi Salleh. 2016. Acoustic Comfort Strategies in Air Conditioning and Mechanical Ventilation System, Proceedings on Noise and Vibration Research, The Acoustical Society of Japan (ASJ), Document Ref No: N-2016-27
2. Mete Oguc, Deniz Hadzikurtes. 2015. Acoustic Evaluation of Floating Floor Applications in Mechanical Rooms, Proceedings 10th European Congress and Exposition on Noise Control Engineering (Euronoise 2015), 2521-2524
3. JKR Technical Report. 2015. CKM/SD/NV/LT/02/2015 (in Malay)

PENGENALAN KEPADA SISTEM SOLAR – JENIS PANEL PHOTOVOLTAIC (PV)

Mohd Shukri bin Dolah
Ir. Dr. Mohamed Shahriman bin Mohamed Yunus
Makmal Penyelidikan Elektrik
Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan

Pengenalan

Tenaga solar merupakan tenaga yang dihasilkan melalui proses penukaran cahaya matahari kepada tenaga elektrik. Penukaran ini dilakukan dengan menggunakan solar panel yang mengandungi sel *photovoltaic* (PV). Sel *photovoltaic* terdiri daripada kepingan semi konduktor yang diperbuat daripada silikon. Cahaya matahari bertindak menggerakkan atom dan zarah di dalam sel *photovoltaic* dan seterusnya menghasilkan tenaga elektrik. Sistem pemasangan solar *photovoltaic* merupakan satu teknologi penghasilan tenaga semulajadi melalui sumber tenaga matahari.

Potensi Teknologi Solar

Pelbagai dasar dan pelan tindakan telah dicadangkan dan dibincangkan di kalangan pelbagai jabatan kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor perindustrian dalam meningkatkan kesedaran dan penghasilan tenaga baharu. Kajian daripada Almaktar, Rahman & Hassan, 2015, menyatakan bahawa hasil kekurangan rizab minyak dan gas dalam tempoh 15 tahun yang akan datang menyebabkan kerajaan mula cenderung kepada penghasilan tenaga boleh diperbaharui. Di samping itu, hasil kajian daripada Muhammad-Sukki, Ineguez, G.Macmeekin, Brian & Barry, 2011, menyatakan bahawa salah satu aplikasi tenaga solar yang digunakan secara meluas dalam penghasilan tenaga boleh diperbaharui adalah dengan menggunakan solar fotovolta, iaitu proses penghasilan tenaga dari cahaya matahari kepada tenaga elektrik.

Denholm *et al.*, 2010, menyatakan bahawa tenaga solar boleh diperolehi melalui pelbagai cara di antaranya melalui pemasangan panel di atas bumbung, perletakan panel solar di kawasan tanah rata melalui aplikasi ladang solar, pemasangan secara integrasi hibrid dan pemasangan secara kendiri (*off-grid*) yang tidak memerlukan penyambungan dengan grid elektrik utama. Manakala, Mahpar, 2019, telah mendapati bahawa faktor keluasan bumbung bangunan-bangunan di Malaysia yang luas dengan kecerunan antara 10 hingga 30 darjah merupakan faktor yang menyokong dan membenarkan penerimaan cahaya matahari yang maksimum.

Jenis-jenis Panel PV Solar

Terdapat banyak jenis panel PV solar di pasaran, tetapi kebanyakannya dibahagikan kepada tiga jenis utama iaitu:

i) Panel Solar *Monocrystaline;*
ii) Panel Solar *Polycrystaline;* dan
iii) Panel Solar Filem Tipis *(Thin Film Solar Cell)*



(a) (b) (c)

Rajah 1: (a) Panel Solar *Monocrystalline*, (b) Panel Solar *Polycrystalline* dan (c) Panel Solar Filem Tipis (TFSC)

Berdasarkan Rajah 1, untuk menghasilkan panel PV solar yang mempunyai kecekapan yang tinggi, beberapa faktor dan item perlu dipertimbangkan:

- *Material* – Jenis bahan yang digunakan (*monocrystalline silicone, polycrystalline silicone, cadmium telluride* atau lain-lain) iaitu kesan bagaimana cahaya menukar kepada tenaga elektrik;
- Pendawaian – integrasi antara kabel dan busbar pada panel solar yang mengumpul dan mengalih tenaga elektrik;
- Refleksi – Jika cahaya dibiaskan daripada panel solar, maka kadar kecekapannya akan berkurang. Lapisan kaca di atas sel solar silikon merupakan aspek yang amat penting;
- Kebolehan menyerap cahaya pada dua sisi sel; dan
- Kebolehan menyerap pelbagai *wavelengths of light*.

Secara asasnya, tidak ada panel PV solar yang cekap 100%. Panel PV solar biasa yang boleh didapati secara komersial adalah jenis pelbagai silikon persimpangan tunggal (kedua-dua mono dan poli kristal) yang hanya mempunyai kecekapan maksimum 33% di bawah keadaan ujian standard. Ia dipanggil Had Efisiensi *Shockley Queisser*.

Kecekapan panel PV solar adalah dilihat berdasarkan kepada keupayaan sesuatu panel untuk menukar cahaya matahari kepada tenaga elektrik. Ini amat penting kerana panel yang mempunyai kecekapan yang tinggi akan menghasilkan lebih tenaga dengan ruang yang kecil. Kebanyakan panel PV solar mempunyai kecekapan sekitar 15% hingga 20% namun, dengan adanya penyelidikan dan pembangunan berterusan oleh pengeluar, kecekapan panel solar adalah semakin tinggi, iaitu dengan kadar kecekapan melebihi 20%.

Graf Arus-Voltan Pada Panel PV Solar

Rajah 2 menunjukkan graf Voltan-Arus pada panel solar yang bermula pada Arus Litar Pintas (Isc) di mana arus adalah maksimum namun voltan adalah sifar. Arus tetap sama dengan kenaikan voltan sehingga titik di mana peningkatan voltan yang lebih tinggi akan menunjukkan penurunan arus sehingga mencapai Voltan Litar Terbuka (Voc) dengan arus sifar. Titik Pmax adalah titik kuasa maksima yang bersamaan dengan Voltan pada Kuasa Maksimum (Vmp) dan Arus pada Kuasa Maksimum (Imp).



Rajah 2: Graf Voltan-Arus dan Kuasa-Voltan pada panel PV solar. (Dipetik dari sumber greensarawak.com)



Rajah 3: Contoh Pemasangan Sistem Solar Secara *Off-Grid*

Kesimpulan

Secara dasarnya kesimpulan yang diperolehi adalah seperti berikutnya:

1. Permintaan tinggi terhadap pemasangan sistem solar oleh pengguna di kediaman dan bangunan serta saranan polisi kerajaan tentang penghasilan tenaga dari sumber alam bagi menjimatkan kos serta mengurangkan penggunaan bahan sumber asli sedia ada.
2. Sistem PV solar tidak dapat memberi kesan yang maksima tanpa komponen utama yang lain bagi penjanaan tenaga elektrik. Komponen lain seperti bateri, pengawal pengecasan solar dan alatan pengukuran seperti meter pelbagai turut diperlukan dalam pengaliran cas yang sempurna. Tenaga solar telah dianggap sebagai salah satu sumber alternatif tenaga boleh diperbaharui yang boleh dipercayai dalam penyediaan tenaga lestari.
3. Sistem PV Solar *Off-Grid* adalah salah satu sistem yang biasa bagi mereka yang ingin menjana kuasa kepada alat elektrik jauh dari grid utama atau mereka yang memerlukan peralatan mudah alih dan tinggal jauh dari grid kuasa utiliti.

Rujukan

1. Farah Ayiesya Binti Zainuddin (2016), Meningkatkan Kecekapan Fotovoltaik Menggunakan Kombinasi – Termal
2. Mihnea Rosu-*Hamzescu Sergiu Oprea Microchip Technology Inc (2013), .Practical Guide to Implementing Solar Panel MPPT Algorithms*
3. Shahrul Nizam Bin Mohammad (2013), *Potential of Solar Farm Development At Utm Campus For Generating Green Energy*
4. https://greensarawak.com/ (2021), *A quick look in things to know before going Solar*
5. https://www.energysage.com/ (2021, *Solar energy: what you need to know about solar panels*

MEASUREMENT UNCERTAINTY (MU) IN THERMAL CONDUCTIVITY TEST OF BUILDING MATERIALS - PART 1

Dr. Siti Nor Azila binti Khalid
Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin
Makmal Penyelidikan Mekanikal
Bahagian Inovasi, Penyelidikan, dan
Pembangunan Kejuruteraan

INTRODUCTION

Thermal conductivity of a building material can be defined as the ability of the material to conduct heat, which is a critical parameter that will affect thermal comfort of occupants and energy performance of a building. Therefore, it is crucial that the thermal properties of a material be determined during design stage, and this can be evaluated by way of thermal conductivity testing. However, in the real world, achieving absolute accuracy in testing is near impossible due to uncertainties in measurement which are ever present. Measurement uncertainty (MU) is defined as a parameter that is associated with the result of a measurement that characterizes the dispersion of the values that could reasonably be attributed to the measurand (a quantity that is measured). The aim of the first part of the article is to give a brief explanation on thermal conductivity testing and highlight the sources of uncertainty that are present during the test.

THERMAL CONDUCTIVITY TESTING FOR BUILDING MATERIALS

In order to understand the presence of MU in the thermal conductivity testing, it is proper to start with a brief explanation of the testing procedure itself. The thermal conductivity test is applicable to any number of different materials of various thicknesses and conductivity levels. The Standard Test Method for Steady-State Thermal Transmission Properties by Means of the Heat Flow Meter Apparatus by The American Standards for Testing Materials (ASTM C518-17), is used as a guide. The section gives a brief description on the procedures of the testing and the equipment used.

Before a proper thermal conductivity test is conducted, a standard reference material (SRM) is used for calibration purposes, as shown in Figure 1. This material is calibrated by the National Institute of Standards and Technology (NIST). A typical building material to be tested is an open cell elastomeric foam open cell, used as an acoustic insulation for heating, ventilating, air-conditioning and refrigeration (HVAC/R), shown in Figure 2.



Figure 1: Standard reference material

Figure 2: Sample specimen

The specimen must be conditioned as required by the standards prior to the actual test. The sample is first stored in the climate chamber. The condition inside the chamber is then set at a temperature of 22°C and relative humidity of 50% for a period of 24 hours as required by the ASTM C518-17 Standards, before being taken out for the testing, shown in Figure 3.

Figure 3: Conditioning sample in climate chamber

Figure 4: Heat flow meter

The dimensions and thickness of the specimen were then measured using calipers and ruler before it is inserted into a heat flow meter, shown in Figure 4. The heat flow meter consists of two (2) isothermal plate assemblies that are outfitted with dedicated cooling system, the schematic of which is shown in Figure 5. It also has a central and peripheral groups of thermoelectric elements, which are controlled independently to eliminate radial temperature gradients in the plates.



Figure 5: Heat flux transducer position

SOURCES OF UNCERTAINTY

The thermal conductivity of a material is expressed in the equation (1):

$$\lambda = \frac{Q}{A}\,\frac{L}{\Delta T} \qquad (1)$$

Where,

λ = Thermal conductivity (Watt per metre Kelvin, W/mK);
T = Temperature (Kelvin, K);
Q = Heat flow (Watt, W);
A = Area (m2); and
L = Thickness (metre, m)

The presence of uncertainty during testing and its relation with equation (1) is shown in Figure 6. Heat conduction is taking place between hot (T2) and cold (T1) plates in the heat flow meter through the sample, termed as conducting solid.



Figure 6: Heat conduction in heat flow meter (Source: Metcal S25 Training Hub)

The thickness, L, of the sample may vary along the length of the sample, which may give rise to thickness error. The surface of the sample may also not be entirely flat (flatness variation) which may result in no full surface contact with the plates. There is also inaccuracies in the area measurement, A, of the hot and cold plates. Additionally, the may be non-uniformity of surface temperatures of the hot plate (T1) and the cold plate (T2). All the non-uniformities will affect the uniformity of the heat flow through the sample and thus, affect the accuracy of the thermal conductivity.

In addition to the uncertainties in the precision of the heat flow meter and the test specimen, other uncertainties that are stated in the ASTM C518 Standards are a) uncertainty in the precision of the standard reference material used as calibrating specimen, b) uncertainty in the precision of other measuring device like calipers, and c) uncertainty due to the fact that the calibrating specimen and the test specimen are not identical, thus not having identical heat transfer properties.

CONCLUSION

Results of testing or measurement that are free from error or uncertainties are nearly impossible to achieve in the real world. At the same time, quality and reliability of testing results will be undermined when there is substantial doubt on the correctness if the MU is not tackled with due diligence. Therefore, it is important that sources of MU are identified and minimized in order to maintain the integrity of the test. In Part 1 of the article, a brief explanation of the thermal conductivity testing procedure was given, and the uncertainties that present due to precision of heat flow meter were discussed.

Other sources of uncertainties, and how the estimation of measurement uncertainty is done for the thermal conductivity test will be explained in the Part 2 of this article.

REFERENCE

1. ASTM Standard C518, 2017, Standard Test Method for Steady-State Thermal Transmission Properties by Means of the Heat Flow Meter Apparatus, ASTM International, West Conshohocken, PA, 2017, DOI: 10.1520/C0518-17, www.astm.org.

PENGUJIAN PRESTASI LAMPUJALAN JENIS HIGH PRESSURE SODIUM VAPOUR (HPSV)

Surya binti Sa'ad, Mohd Hanif bin Jamaludin
Ir. Dr. Hj. Mohammed Shahriman bin Mohamed Yunus
Makmal Penyelidikan Elektrik
Bahagian Inovasi, Penyelidikan, dan Pembangunan Kejuruteraan

PENGENALAN

Lampu Jalan terdiri daripada beberapa jenis iaitu *Mercury Vapour , High Pressure Sodium Vapour* (HPSV), *Metal Halide* (MH) dan *Light Emitting Diode* (LED). Fungsi lampu jalan ini adalah untuk kemudahan penglihatan kepada pengguna dan untuk memastikan keselamatan kawasan persekitaran pada waktu malam.

Rajah 1: Contoh lampu jalan jenis HPSV

Lampu jalan jenis HPSV ialah sejenis lampu yang memancarkan cahaya putih keemasan.

KOMPONEN LAMPU JALAN JENIS HPSV

Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan litar dan komponen bagi lampu jalan HPSV. Komponen lampu adalah terdiri daripada *Ballast, Capacitor, Ignitor* dan HPSV



Rajah 2: Litar Dalaman Lampu Jenis HPSV



Rajah 3 : Komponen Dalam HPSV

PENGUJIAN OPERASI LAMPU JALAN JENIS HPSV

Bagi memastikan operasi pencahayaan lampu jalan HPSV ini, satu kajian telah dijalankan oleh Makmal Penyelidikan Elektrik CREaTE untuk menguji ciri-ciri pencahayaan.

Pengujian dilakukan dengan menggunakan sampel lampu jalan jenis HPSV berkadaran 250W. Rajah 4 menunjukkan kaedah pengujian lampu jalan di makmal manakala, Rajah 5 adalah susunatur peralatan bagi pengujian pengukuran *illuminance* lampu jalan yang digunakan di dalam kajian ini.



Rajah 4: Carta alir pengujian lampu jalan di makmal



Rajah 5: Pengukuran *Illuminance* bagi lampu jalan di dalam Makmal

KEPUTUSAN PENGUJIAN DAN ANALISA

Data yang ditunjukkan dalam jadual 1 adalah hasil pengujian sampel yang telah dijalankan. Data tersebut merujuk kepada: 250W HPSV *Street Light (at* 240V)

Jadual 1: Maklumat sampel yang diuji dan kecerahan maksima

ILLUMINANCE MEASUREMENT	
Brand:	NIKKON
Model:	250 WATT
Voltage	240V
MAXIMUM LUX	
2 METER	1 Meter (Lux)
1169.00 Lux	5240.00 Lux

Jadual 2: Keputusan pengujian

SUMMARY		2 METER			1 METER		
		LUX	%	TIME (MIN)	LUX	%	TIME (MIN)
Starting from cold	*value of Lux in 4 minutes*	940	80%	04:00	4200	80%	04:00
	80% of nominal lux	940	80%	04:00	4200	80%	04:00
Switch off and Reignation	*value of Lux in 1 minutes*	496	42%	01:00	2225	42%	01:00
	80% of nominal lux	940	80%	01:10	4200	80%	01:10



Rajah 6: Lengkungan Pencahayaan *ON – OFF*

Merujuk kepada Rajah 6, lengkungan graf menaik dan dalam masa empat (4) minit kecerahan lampu telah mencapai 80% lumen. Lengkungan terus menaik dan mencapai kecerahan 100% lumen pada masa sepuluh (10) minit berikutnya, sebelum proses gangguan bekalan (suis dimatikan dan dihidupkan semula) dilakukan. Graf menunjukkan terdapatnya penurunan peratusan nilai lumen yang mendadak apabila lampu dipadamkan dan dihidupkan semula. Selepas lampu dihidupkan semula, dalam masa satu (1) minit lampu mencapai kecerahan 80% lumen dan kemudiannya pada minit ke 18, kecerahan lampu mencapai 100%.

KESIMPULAN

Pengoperasian lampu jalan jenis HPSV memerlukan masa yang lama untuk mencapai kecerahan 80% lumen dan apabila dipadamkan atau ada gangguan bekalan elektrik, lampu ini mengambil masa sekurang-kurangnya 70 saat untuk mencapai kecerahan 80% lumen.

Lumen lampu jalan juga dipengaruhi oleh ketinggian tiang lampu. Jika tiang lampu semakin tinggi maka, lumen yang berada di atas jalan juga semakin berkurang.

RUJUKAN

1. *https://www.lightingassociates.org/i/u/2127806/f/tech_sheets/high_pressure_sodium_lamps.pdf.*
2. *High Pressure Sodium Lamps A Pacific Energy Center Factsheet,Pacific Gas and electric Company*
3. *Street light for Local Road , National Ligthing Product Information Programme, NLPIP, 2011*

Sewage Treatment Process in SEQUENCE BATCH REACTOR (SBR) PLANT

Ir. Khairul Faizi bin Saim
Unit Awam (Bangunan & Struktur)
Bahagian Kompetensi, Pensijilan, Akreditasidan Kejuruteraan

Introduction

There are two categories of sewage treatment plant (STP). Non-mechanised STP and Mechanised STP. Non-mechanised STP are, Imhoff Tank, Trickling filter and Oxidation pond while Mechanised STP are Sequencing Batch Reactor Plant (SBR), Oxidation Ditch, Rotating Biological Contactor and Aerated Lagoon. Figure1 to 4 show some of the common sewage treatment plants in Malaysia.

Figure 1: Rotating Biological Contactor

Figure 2: Oxidation ditch

Figure 3: Extended Aeration Plant

Figure 4: Sequence Batch Reactor Plant

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara has outlined the need for treatment and disposal of the wastewater. The unit process in the wastewater treatment facilities should generally cover the physical and biological process. The concerned areas are as follows:

a. Screening of Coarse solids;
b. Biological treatment (aerobic);
c. Clarification by sediment process;
d. Drying of digested sludge; and
e. Disposal of sludge.

SBR Mechanised Plant

